

ADAT BERCUKUR : MASIH DIJUNJUNG WALAU DITELAN ZAMAN

Oleh : ABD. GHANI ON

"BIAR MATI ANAK, JANGAN MATI ADAT" merupakan sebahagian daripada pepatah Melayu tradisi yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sejak dari zaman berzaman lagi. Adat yang dijunjung itu mencerminkan sesebuah bangsa manakala bangsa yang tidak beradat akan hilang identitinya.

Sungguhpun dari segi amalannya, pepatah tersebut tidak menampakkan bukti sejauh mana sesuatu adat itu perlu diamalkan dan dipertahankan, namun adanya pepatah ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa dalam masyarakat Melayu, adat adalah sesuatu yang perlu disanjung tinggi dan dipertahankan.

Adat Melayu sebenarnya kaya dengan nilai-nilai yang sememangnya telah menjadi pedoman hidup masyarakat Melayu sejak dari zaman dahulu lagi. Dalam pemikiran orang-orang Melayu dulu, adat itu merupakan wahana untuk mewujudkan suasana harmoni di kalangan ahli masyarakat yang berbeza fahaman dan pendapat.

Malangnya, kebanyakan nilai tersebut pada masa kini tidak begitu dititikberatkan. Nilai-nilai ini dianggap sebagai sesuatu yang telah tersirat dan dengan itu tidak pernah dikemukakan secara nyata kepada pengamal adat Melayu itu sendiri. Sebaliknya ada pula di antara masyarakat Melayu yang berasa malu dan rendah diri tentang nilai hidup mereka. Mereka mengubah nilai-nilai tersebut kepada sesuatu yang asing pada adat Melayu.

Meskipun begitu, masih ramai lagi di kalangan masyarakat Melayu yang terus menjulang malah mempertahankan adat dan nilai-nilai tersebut sehingga sekarang sekalipun terpaksa menempuh arus perubahan zaman.

Salah satu adat yang masih subur dan kekal sehingga sekarang ialah "adat bercukur rambut". Walaupun adat ini tidak dirayakan secara serius namun kepada mereka yang tahu menilai erti kesyukuran atas kelahiran zuriat dan mementingkan ciri-ciri hidup berbudaya, akan menjadikannya salah satu upacara yang menarik.



Tuk Bidan Puan Zainab bte Arifin

Upacara bercukur rambut ini biasanya dilakukan oleh seorang "Tuk Bidan" yang sememangnya mahir dengan tugas-tugas tersebut. Seorang tuk bidan yang ditemui iaitu Puan Yang

bte Dollah menjelaskan bahawa upacara mencukur rambut bayi yang disertai dengan berzanji memang terkenal sesuatu waktu dahulu.

Jelasnya lagi, jika majlis tersebut disusuli dengan bacaan marhaban beramai-ramai dan berdoa kepada Allah S.W.T. secara langsung, ia menggambarkan betapa besarnya keagungan Illahi di atas kurniaan zuriat itu.

Salah seorang tuk bidan yang masih lagi menyumbangkan khidmatnya dan mewarisi tugas tersebut daripada nenek moyangnya ialah Puan Zainab Ariffin, 71 tahun dari Kampung Bunga Emas, Simpang Empat, Perlis. Menurut Puan Zainab, upacara mencukur rambut ini dilakukan pada hari ketujuh dari hari bayi itu dilahirkan. Sewaktu diadakan upacara tersebut, biasanya satu majlis kenduri "pulut kuning" turut diadakan. Bagi ibu bapa yang berkemampuan, mereka akan mengadakan majlis kenduri ini secara besar-besaran.

*Kelengkapan-kelengkapan yang perlu disediakan
semasa upacara bercukur rambut*


Menurut Puan Zainab lagi, peralatan yang digunakan oleh Tuk Bidan hanyalah sebilah pisau cukur (sebilah pisau yang digunakan khas untuk mencukur). Sementara peralatan yang perlu disediakan oleh kedua ibu bapa bayi yang hendak dicukur rambut itu ialah:

- i. Sintuk.
- ii Tiga biji piring yang berisi tepung tawar, beras kunyit dan bertih.
- iii. Air satu jag (untuk mandian bayi).
- iv. Sebiji kelapa muda (mumbang) yang ditebuk cantik. Air kelapa dibuang dan diisikan dengan sedikit air sejuk.
- v. Benang mentah (dililitkan di sekeliling kelapa).
- vi. Wang pengkeras sebanyak RM 1.25 sen atau lebih (mengikut kemampuan kedua ibu bapa bayi tersebut untuk bersedekah kepada tuk bidan).

Upacara mencukur rambut sedang dijalankan.

Majlis dimulai dengan bacaan marhaban secara beramai-ramai sehingga selesai dan disambung semula dengan bacaan berzanji mengikut giliran masing-masing. Apabila semuanya telah bersiap sedia, maka bayi yang telah dipakaikan dengan pakaian yang indah dan diletakkan di atas sebuah tilam kecil itu akan dibawa keluar. Tuk bidan akan mengambil bayi tersebut lalu menepung tawar, menabur sedikit beras kunyit dan bertih kepada bayi itu. Seterusnya, barulah kepala bayi itu dicukur seluruhnya oleh tuk bidan yang sememangnya mahir dengan tugas-tugasnya itu.

Rambut bayi yang telah dicukur itu, semuanya dimasukkan ke dalam kelapa dan benang mentah yang meliliti kelapa tersebut akan dibuang (dirongkai). Kelapa itu akan ditanam bersama-sama sepohon anak kelapa di halaman rumah sebagai tanda atau peringatan masa bayi itu diperanakkan dari semasa ke semasa.



Sebelum dicukur, bayi akan dpakaikan dengan pakaian indah dan diletakkan di atas sebuah tilam kecil

Akhir sekali, bayi tersebut akan dimandikan oleh tuk bidan dengan menggunakan air biasa terlebih dahulu dan dalam jag yang telah dimasukkan sedikit sintuk. "Mandi Carai" ini bertujuan untuk membuang sial atau memulihkan semangat bayi tersebut.

Setelah selesai upacara tersebut, doa selamat pun dibacakan dan hidangan segera di-edarkan kepada tetamu-tetamu yang hadir.

Dalam majlis itu juga, saya berkesempatan menemubual Puan Asiah Long iaitu ibu kepada bayi yang dicukur rambut tersebut. Bagi Puan Asiah, adalah menjadi kebanggaannya kerana berjaya menghidupkan kembali satu upacara adat lama yang sudah kian pupus ditelan masa. Menurumya lagi, jika dulu adat bercukur rambut ini dibuat sebaik-baik sahaja sesebuah keluarga itu menerima kelahiran cahaya mata mereka, tetapi sejak akhir-akhir ini

sudah ramai yang tidak berbuat demikian kerana beberapa faktor serta kesibukan waktu setiap individu dalam menjalani kehidupan seharian.

Walau apa pun, adat istiadat seumpama inilah yang akan terus hidup dalam masyarakat Melayu dan tidak mungkin akan luput buat selama-lamanya. Apa yang boleh kita ramalkan ialah bahawa adat ini akan berubah sedikit demi sedikit dan akhirnya boleh berubah sama sekali daripada bentuk yang asal. Mungkin adat ini akan berubah kerana disesuaikan dengan keperluan masa, tetapi sebahagian kecil, iaitu sebahagian dari keseluruhan adat ini tetap terus diamalkan bahkan mungkin diperluaskan lagi.

